

Pertumbuhan tujuh peratus capai wawasan

Oleh Kadir Dikoh

BH - 1 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia perlu mencapai pertumbuhan ekonomi pada kadar tujuh peratus setahun sehingga tahun 2010 bagi merealisasikan matlamat Wawasan 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yakin cita-cita menjadi sebuah negara maju mampu dicapai sekiranya negara tidak menghadapi sesuatu bencana yang besar.

"Prasarana utama sudah pun disediakan dan kita hanya perlu memanfaatkannya. Usaha menaik taraf dan pembesaran secara berterusan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus kekal pada kadar tujuh peratus, juga perlu dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam rancangan khas "Let's Talk" sempena Hari Kemerdekaan yang disiarkan melalui TV2 RTM malam ini. Perdana Menteri ditanya apakah tanda aras untuk mengukur pencapaian kemajuan negara 10 tahun dari sekarang bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Dr Mahathir ditemuramah melalui e-mail oleh seorang pengacara muda, Khairul Azri yang turut mengendalikan rancangan "talk show" berbentuk majalah info-hiburan itu.

Negara menikmati pertumbuhan cemerlang dengan purata lapan hingga sembilan peratus setahun dalam tempoh 10 tahun sebelum kegawatan ekonomi. Krisis selama hampir dua tahun bermula pada Julai 1997, menyebabkan pertumbuhan itu terjejas.

Perdana Menteri yang menjawab pertanyaan itu menerusi e-mail seterusnya menyatakan menjelang tahun 2010, ramai rakyat Malaysia akan menjadi

“

Usaha menaik taraf dan pembesaran secara berterusan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus kekal pada kadar tujuh peratus, juga perlu dilaksanakan.

”

- Dr Mahathir Mohamad

celik komputer dan mengadaptasikan penggunaan komunikasi moden dalam perniagaan serta pelbagai aktiviti berkaitan.

"Kebanyakan daripada jentera pentadbiran akan berpusat di Putrajaya dan begitu juga dengan Cyberjaya yang telah menjadi nadi kepada pembangunan negara kerana ia dilengkapi peralatan informasi serta komunikasi terkini," katanya.

Beliau berkata, universiti-universiti pula akan melahirkan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran yang akan memperkembangkan lagi industri multimedia di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, Malaysia sepatutnya telah tersenarai sebagai salah satu daripada 15 negara perdagangan utama di dunia dengan pendapatan per kapita sebanyak AS\$10,000 (RM38,000).

Menjawab satu lagi soalan, beliau berkata generasi muda perlu mempunyai rasa tanggungjawab dan cinta kepada negara selain perlu meneruskan kesinambungan kejayaan negara.

"Mereka mesti bersedia untuk bekerja keras selepas menyiapkan diri mereka dengan pengetahuan dan pelbagai kemahiran. Jika Malaysia tidak mahu

bergantung kepada orang lain, rakyat Malaysia mesti mempunyai kekuatan dan keyakinan diri.

"Mereka mesti bangga dengan negara mereka dan sentiasa bersedia untuk memuertahkannya," katanya.

Rancangan "Let's Talk" selama sejam itu turut memaparkan temu ramah dengan beberapa tokoh daripada sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Matlamat utamanya ialah untuk memaparkan sumbangan, pengorbanan dan peranan pelbagai pihak dalam memastikan pembangunan serta kestabilan negara, selaras dengan tema Hari Kemerdekaan kali ini "Keranamu Malaysia".

Sementara itu, dalam kata-kata aluan yang dimuatkan dalam naskhah khas "Keranamu Malaysia" sempena Hari Kemerdekaan Ke-43, Dr Mahathir mengingatkan rakyat supaya berwaspada kerana ada pihak tertentu yang tidak senang melihat Malaysia maju.

Perdana Menteri berkata, pihak terbabit berusaha memecah-belahkan rakyat supaya negara tidak stabil, ekonomi merosot dan menggugat kemerdekaan Malaysia.

"Namun, saya percaya

dengan kekuatan iatidiri dan semangat patriotisme, rakyat tidak akan terpengaruh dengan sebarang tindakan negatif. Pertahankanlah kemerdekaan dan kemakmuran kita," katanya.

Naskhah "Keranamu Malaysia" itu diedarkan di sekitar tapak Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan 2000 di Dataran Kemerdekaan, Shah Alam hari ini. Perayaan tahun ini adalah yang pertama pada alaf baru.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, di sebalik tindakan negatif itu, Malaysia kini diiktiraf sebagai sebuah negara contoh, bukan sahaja oleh negara maju dan membangun malah oleh negara Islam.

Katanya, negara berkecemerlang dengan kepesatan pembangunan ekonomi dan masyarakat serta kestabilan ekonomi Malaysia.

"Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersyukur dengan nikmat ini. Kita bernasib baik kerana berada dalam sebuah negara yang aman dan makmur. Adalah penting rakyat mengeratkan lagi hubungan antara satu sama lain.

"Ini bagi mengekalkan sifat tolaq ansur antara kaum dan parti-parti politik bagi menjamin keamanan negara berterusan supaya negara terus maju, aman dan makmur," katanya.

Beliau berkata sepanjang 43 tahun merdeka, pelbagai kejayaan sudah dicapai serta dinikmati rakyat.

Katanya, kemerdekaan amat berharga dan besar ertinya bagi masyarakat sesebuah negara dan adalah perlu bagi setiap rakyat memahami serta menghargai erti sebenar kemerdekaan.